

Surat khabar: Berita Harian  
Hari/Tarikh: 14/11/2016  
Muka surat: 7

Tajuk : Dr Dhesi julang nama UNIMAS, Malaysia

# Dr Dhesi julang nama UNIMAS, Malaysia

[FOTO IHSAN DR DHESE]

➔ Cipta teknologi kecerdasan buatan jangka penularan virus zika, denggi tiga bulan lebih awal

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad  
amifaiz@bh.com.my

✦ Kota Samarahan

Kejayaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) membangunkan teknologi kecerdasan buatan (AI), termasuk keupayaan menjangka penularan virus zika dan denggi tiga bulan lebih awal mendapat perhatian masyarakat antarabangsa terhadap kemampuan kumpulan penyelidik anak tempatan.

Mula dibangunkan sejak 2013, teknologi itu turut mendapat pengiktirafan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) di Amerika Syarikat, dengan pelbagai negara maju, terutama yang beriklim tropika menunjukkan minat menggunakannya.

Mungkin tidak ramai mengetahui perisian pintar itu yang di-

bangunkan pelajar doktor falsafah (PhD) dalam bidang kesihatan komuniti UNIMAS, Dr Dhesi Baha Raja Selva Raja, 32, buat julung kalinya digunakan pada Sukan Olimpik Rio 2016, Ogos lalu.

Dalam temu bual bersama BH, Dr Dhesi berkata, permulaan AI yang dikenali sebagai 'AIME' bertitik tolak daripada sebuah perisian pintar bersepadu yang mengumpul maklumat seperti taburan hujan, arah hujan, ribut petir, radiasi solar dan struktur geografi.

**Tahap ketepatan 80 peratus**

"Semua data daripada maklumat itu kemudian diproses secara digital dan mempunyai tahap ketepatan lebih 80 peratus. Teknologi ini boleh digunakan dalam kawasan 400 meter radius, justeru kita boleh mengetahui secara terperinci kampung, kawasan dan daerah mana wabak berlaku," katanya.

Berasal dari Labuan, Sabah, kebolehan doktor genius itu turut diiktiraf sebagai '10 Saintis Cemerlang Terbaik' oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada perhimpunan agung badan itu di New York awal bulan ini.

"PBB juga meminta saya meluaskan penggunaan teknologi AIME kepada meramal kawasan penularan penyakit batuk kering dan HIV. Kini, syarikat farmaseutikal juga berminat dengan teknologi berkenaan bagi mengenal pasti kawasan untuk

dilaksanakan vaksin," katanya.

AIME turut mendapat penghargaan daripada Harvard University, London, sebagai termasuk dalam Lapan Belia Inovasi Kesihatan Terbaik, selain dipilih dalam kelompok 40 Individu Perubahan oleh majalah antarabangsa, Forbes International, tahun ini.

Katanya, penciptaan teknologi berkenaan membolehkan beliau diberi keistimewaan berucap dalam ucapatama di Massachusetts Institute of Technology (MIT), pada Oktober lalu, mewakili UNIMAS.

"Kejayaan inovasi penciptaan AI ini bersandarkan kepada hasrat saya melihat pengamal perubatan di negara lebih bersikap proaktif dan bukan reaktif semata-mata. Tidak perlu menunggu berlaku penularan wabak, baharu mahu melakukan proses 'fogging'," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, berkata sumbangan besar saintis muda turut mendapat pengiktirafan UNIMAS apabila diberi menyampaikan ucapan mewakili 4,275 graduan pada majlis konvokesyen yang berlangsung hari ini.

"Inilah yang UNIMAS mahukan kerana kita ingin menjadi sebuah universiti yang bukan sahaja menitikberatkan bidang akademik, malah mampu memberi manfaat kepada masyarakat, selain keternampakan imej kita pada peringkat global," katanya.



Dr Dhesi ketika membuat kerja lapangan di Brazil Ogos lalu bagi mengesan wabak denggi dan zika.